

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' NORAINI BINTI
AHMAD [PARIT SULONG]**

TARIKH : 15 MAC 2017

SOALAN :

YB Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Malaysia dalam isu tuntutan kedaulatan wilayah negara Pulau Batu Puteh, termasuk Batuan Tengah dan Tubir Selatan setelah perkara ini difailkan bagi permohonan semula semakan terhadap Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memfailkan permohonan semakan terhadap keputusan kes tersebut di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2 Februari 2017.

Buat masa ini, pihak ICJ telah memaklumkan kepada pihak Singapura mengenai permohonan semakan tersebut. Pada ketika ini, Malaysia masih menunggu pihak Singapura mengemukakan pemerhatian bertulis (*written observation*) kepada permohonan semakan yang dikemukakan oleh Malaysia.

Tindakan Peguam Negara memfailkan permohonan semakan ini berdasarkan keyakinan bahawa penemuan fakta baharu akan mendapat pertimbangan seadilnya daripada ICJ memandangkan fakta baharu yang ditemui tersebut tidak diketahui oleh ICJ ketika penghakiman dibuat.

Terdapat tiga keterangan baharu yang ditemui antara 4 Ogos 2016 hingga 30 Januari 2017 iaitu surat-menyurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura dalam tahun 1958, laporan mengenai suatu kejadian yang difailkan oleh seorang pegawai tentera laut Britain dalam tahun 1958 dan peta berserta catatan mengenai operasi tentera laut dari tahun 1960-an. Ketiga-tiga keterangan yang ditemui tersebut telah dirujuk kepada Peguam Diraja (*Queen's Counsels*) yang berpandangan bahawa Malaysia mempunyai asas yang kukuh untuk meneruskan tindakan memfailkan permohonan semakan keputusan ICJ 2008 bagi mendapatkan kembali kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH [SETIU]**
TARIKH : **15 MAC 2017 [RABU]**
SOALAN : **35**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah produk berimpak tinggi hasil daripada penyelidikan dan pembangunan sektor awam dan swasta yang berjaya dikomersialkan pada tahun 2015 sehingga kini berbanding sasaran ditetapkan iaitu 360 buah projek menjelang tahun 2020

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tahun Pengkomersialan MOSTI diperkenalkan pada tahun 2014 dan diteruskan pada tahun 2015. Seterusnya, agenda ini dilanjutkan kepada Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2016 dengan sasaran pengkomersialan 360 produk/perkhidmatan berimpak tinggi menjelang 2020.

Pada tahun 2015, sebanyak 67 produk/perkhidmatan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah berjaya dikomersialkan menerusi agensi MOSTI. Manakala pada tahun 2016, daripada 130 produk/perkhidmatan

yang telah dikomersialkan, sebanyak 66 produk/perkhidmatan merupakan produk/perkhidmatan yang telah dikomersialkan menerusi agensi MOSTI manakala 64 produk daripada agensi kerajaan yang lain. Dengan demikian, di antara 2015 hingga 2016, sebanyak 197 produk/perkhidmatan telah berjaya dikomersialkan.

Merujuk kepada inisiatif MCY 2016, sepuluh (10) produk/perkhidmatan berimpak tinggi telah diumumkan sebagai pemenang Anugerah MCY 2016. Anugerah ini merupakan tanda penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan kepada usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D), di samping untuk menggalakkan perkembangan R&D ke arah pengkomersialan produk dan teknologi tempatan. Contoh produk yang telah menerima Anugerah MCY 2016 adalah seperti berikut: -

- (i) ***Intelligent Circulating while Drilling (iCWD)*** daripada MiT Technologies Sdn. Bhd. yang memenangi Anugerah Pencapaian Pengkomersialan dan Pemenang Terbaik Keseluruhan. MiT Technologies Sdn.Bhd adalah salah satu syarikat penerima Dana *Technofund* daripada MOSTI serta *incubatee* di bawah Technology Park Malaysia (TPM), sebuah agensi di bawah MOSTI. Produk atau teknologi ini telah berjaya mendapat kontrak dengan syarikat PETRONAS dan sebuah syarikat *oil and gas* di Amerika Syarikat; dan
- (ii) ***bWave IoT Platform*** daripada syarikat BNetwork Sdn. Bhd. yang telah memenangi Anugerah Usahawan Penyelidik. BNetwork Sdn. Bhd. juga adalah salah satu syarikat penerima Dana *Technofund* daripada MOSTI serta *incubatee* di bawah Technology Park Malaysia (TPM), sebuah agensi di bawah MOSTI. Syarikat ini telah

berjaya mengadakan perbincangan perniagaan dengan negara seperti Indonesia, Pakistan, Mesir dan Timur Tengah bagi pasaran domestik dan serantau.

Tuan Yang di-Pertua,

Agenda pengkomersialan produk R&D diteruskan pada tahun 2017 melalui pelaksanaan Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2.0, sepertimana diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia semasa merasmikan *MCY Summit 2016* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 8 Disember 2016 yang lalu. Fasa pelaksanaan MCY 2.0 dilaksanakan sehingga tahun 2019 dimana tumpuan utamanya adalah bagi memantapkan ekosistem pengkomersialan, termasuk penerokaan dalam *niche market* (dengan izin) dan mempergiat pasaran produk R&D&I di peringkat global.

MOSTI berkeyakinan untuk mencapai sasaran 360 produk/teknologi menjelang tahun 2020, dimana sehingga tahun 2016 sebanyak 262 produk/teknologi telah berjaya dikomersialkan.

Sekian, terima kasih.